

# Muhyiddin yakin Dr. M tidak akan buat laporan

Um - 13/9/2006

PUTRAJAYA 12 Sept. - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak akan membuat laporan kepada Lembaga Disiplin UMNO mengenai tuduhan rasuah yang didakwanya berlaku dalam pemilihan pada mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu, Sabtu lepas.


Beliau berkata, ini kerana berdasarkan beberapa kenyataan bekas Presiden UMNO itu sebelum ini menunjukkan beliau tidak menaruh sebarang keyakinan terhadap kredibiliti lembaga tersebut.

"Jika ada bukti Tun boleh laporkannya kepada Lembaga Disiplin parti tetapi berdasarkan beberapa kenyataan Tun sebelum ini, beliau tidak yakin dengan lembaga."

"Keadaan itu sukar sikit kerana Tun kata beliau tidak mahu lapor tuduhan itu kepada Lembaga Disiplin tetapi beliau nak cakap sahaja.

"Tetapi selagi tidak ada laporan, lembaga tidak akan membuat siasatan berhubung tuduhan itu walaupun dihebahkan kepada umum," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Lembaga Kemajuan



**MUHYIDDIN YASSIN**

Periklanan Malaysia (LKIM) 2005 di sini, hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, beliau menerima kekalahannya tetapi menyatakan ia berlaku kerana orang mengamalkan rasuah untuk menang pemilihan terbabit.

Antara lain, beliau mendakwa perwakilan diberikan sampul surat mengandungi senarai wakil yang patut dipilih bersama sejumlah wang.

Pada pemilihan UMNO Bahagian Kubang Pasu kelmarin, Dr. Mahathir mendapat tempat ke-9 daripada tujuh yang dipilih melalui pengundian.